

TARIKH : 23 FEBRUARI 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

198,000 kekosongan kerja tak diisi warga tempatan

Lokasi, gaji, ekonomi gig antara punca tiada pemohon

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lokasi kerja dan kadar gaji tidak sepadan, selain tempian ekonomi gig atau sektor kerjaya sambilan antara punca 198,000 kekosongan pekerjaan yang direkodkan tahun lalu, masih gagal diisi sehingga kini.

Faktor lain, peningkatan jumlah golongan isi rumah berpendapatan pertengahan yang menyaksikan generasi muda meletakkan kebergantungan kepada ibu bapa, selain operasi berteraskan pendekatan konvensional, khususnya dalam sektor pertanian dan perladangan yang menyebabkan bella tidak berminat bekerja di ladang.

Menjelaskan situasi itu, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata wujud segelintir pekerja tempatan yang enggan ditempatkan di lokasi berjauhan dengan kawasan didiami, selain mempertimbangkan sama ada gaji diperuntukkan majikan setimpal atau sebaliknya.

"Kita mendapat maklumat dari sebuah agensi bahawa orang Pantai Timur umpamanya, enggan

Eksklusif

menerima pekerjaan di Lembah Klang, sebaliknya lebih cenderung mencari punca rezeki berdekatan tempat asal mereka.

"Jadi, kekosongan jawatan yang direkodkan menerusi Statistik Guna Tenaga Suku Keempat 2019 ini berpunca daripada rangkaian faktor, termasuk ketidakpadanan antara lokasi dan kadar gaji," katanya kepada *BH*.

Jabatan Perangkaan Malaysia pada 13 Februari lalu melaporkan, sebanyak 198,000 daripada keseluruhan 8.7 juta jawatan tidak diisi, menurut Statistik Guna Tenaga Suku Keempat 2019.

Kadar kekosongan jawatan paling banyak dicatatkan dalam sektor pembuatan iaitu 55.3 peratus, perkhidmatan (18.8 peratus), pertanian (14.3 peratus), pembinaan (11.5 peratus), manakala perlombongan serta pengkuarian adalah 0.1 peratus.

Bagi tempoh sama, sebanyak 51.6 peratus daripada jawatan tertumpu dalam sektor perkhidmatan, sektor pembuatan (26.4 peratus), pembinaan (15.4 peratus), pertanian (5.6 peratus) serta perlombongan dan pengkuarian (1.0 peratus).

Susulan kemunculan ekonomi

KADAR KEKOSONGAN JAWATAN SUKU KEEMPAT 2019



gig di Malaysia, Mohd Uzir berkata, masyarakat khususnya golongan muda kini lebih cenderung mencari rezeki menerusi kerja sambilan berbanding terikat dengan masa, komitmen dan jadual kerjaya tetap.

Fenomena tercetus sejak tiga hingga empat tahun lalu itu, katanya, menyaksikan kekosongan pekerjaan tetap di negara ini yang merangkumi pelbagai keperluan latar belakang dan kemahiran, masih gagal diisi sehingga kini.

"Dalam zaman ekonomi gig, orang muda tidak mahu terikat dengan pekerjaan tetap, sebaliknya lebih suka mengambil kerjaya sambilan yang boleh dibuat mengikut jadual masing-masing, selain tidak mengganggu perancangan mereka," katanya.

Mohd Uzir berkata, peningkatan jumlah golongan isi rumah berpendapatan pertengahan juga menyumbang kepada kegagalan mengisi kekosongan jawatan dicatatkan pada tahun lalu, apabila generasi muda didapati meletakkan kebergantungan kepada ibu bapa mereka.

Katanya, generasi muda beranggapan mereka tidak perlu cari pekerjaan tetap dengan pendapatan stabil kerana masih boleh mengharapkan bantuan ibu bapa.

"Aset seperti rumah dan kereta masih bergantung kepada ibu bapa. Jadi, mereka tidak rasa ada keperluan mendapatkan pekerjaan stabil, sebaliknya meletakkan sandaran kepada kerjaya sambilan yang cukup memberikan pulangan mengikut keheerdak masing-masing," katanya.



Jadi, kekosongan jawatan yang direkodkan menerusi Statistik Guna Tenaga Suku Keempat 2019 ini berpunca daripada rangkaian faktor, termasuk ketidakpadanan antara lokasi dan kadar gaji.

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan

lan yang cukup memberikan pulangan mengikut keheerdak masing-masing," katanya.

Mengenal operasi berteraskan pendekatan konvensional, Mohd Uzir berkata, ia turut menyumbang kepada kegagalan mengisi kekosongan jawatan, khususnya membabitkan sektor pertanian dan perladangan yang sehingga kini tidak menerapkan elemen penggunaan jentera dan teknologi canggih.

Meskipun mempunyai kudrat pada usia muda, katanya, generasi bella tidak berhasrat bekerja di ladang dan kebun, sekali gus memaksa majikan mengajikan tenaga buruh asing untuk menjalankan operasi harian.